

KEPENTINGAN ETIKA TILAWAH AL-QURAN DAN KESANNYA TERHADAP BACAAN AL-QURAN

Juwairiah Binti Hassan

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka
juwairiah Hassan@kuim.edu.my

ABSTRAK

Etika dan tata tertib dalam menuntut ilmu adalah sangat diberatkan dalam Islam untuk mengamalkannya. Memandang rendah terhadap pengamalan etika dalam disiplin ilmu akan menyebabkan kurangnya penguasaan terhadap ilmu tersebut. Begitulah juga kepentingan pengamalan terhadap etika tilawah al-Quran. Ini dibuktikan dengan hasil kajian MA Raizatulhan (2014) yang mendapati masih terdapat mahasiswa yang tidak mampu membaca al-Quran dengan baik. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji konsep etika tilawah al-Quran menurut ulama, kepentingan pengamalan etika tilawah al-Quran dan kesannya terhadap bacaan al-Quran. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan maklumat. Hasil kajian ini mendapati pengamalan terhadap etika tilawah al-Quran akan memberi kesan pada bacaan al-Quran.

Kata kunci: Pengamalan, Etika, Kesan, Bacaan al-Quran.

THE IMPORTANCE OF ETHICS IN AL-QURAN RECITATION AND THE IMPACT ON IT

ABSTRACT

Ethics and discipline in studying is very much weighted in Islam to practice it. Underestimating ethical practice in discipline will lead to a lack of control over the science. Similarly, the importance of practicing Qur'anic ethics. This is evidenced by the results of MA Raizatulhan (2014) study which found that there are still students who can not read al-Quran properly. This article aims to examine the ethical concepts of the recitation of the Qur'an according to the scholars, the importance of the practice of the recitation of the Qur'an and its effect on the recitation of the Quran. This study uses qualitative methods to obtain information. The findings of this study found that the practice of the Qur'an's ethical observation would have an effect on the recitation of the Quran.

Keywords: *Practice, Ethics, Impact, Al-Quran reading.*

PENGENALAN

Al-Quran merupakan *kalamullah* yang mulia, diturunkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan seluruh umat manusia. Segala isi kandungannya dijamin terpelihara dari sebarang kepalsuan dan perubahan sehinggalah ke akhir zaman. Membacanya dikira ibadah dan dicatatkan pahala di sisi Allah S.W.T. Selain daripada itu, setiap orang Islam yang ingin membaca dan menyentuh al-Quran mestilah dalam keadaan suci. Firman Allah S.W.T:

إِنَّهُ لَقُرْآنٌ كَرِيمٌ - 56:77
فِي كِتَابٍ مَّكْنُونٍ - 56:78
لَا يَمَسُّهُ إِلَّا الْمُطَهَّرُونَ - 56:79

Maksudnya: *“Bahawa sesungguhnya (yang dibacakan kepada kamu) itu ialah al-Quran yang mulia, (yang sentiasa memberi ajaran dan pimpinan), yang tersimpan dalam kitab yang cukup terpelihara, yang tidak disentuh melainkan oleh (makhluk-makhluk) yang bersih suci.”*⁷⁰ (Surah al-Waqi’ah 56:77-79)

Berdasarkan terjemahan ayat 77 sehingga 79 dari surah al-Waqi’ah itu tadi menunjukkan bahawa al-Quran merupakan ilmu yang mulia. Apabila hendak membacanya perlulah dengan beretika atau disebut juga sebagai beradab. Di antara etika yang paling utama yang dijelaskan dalam ayat di atas ialah tidak menyentuh al-Quran melainkan dalam keadaan suci. Suci yang dimaksudkan ialah bersih dari hadas kecil (perkara yang membatalkan wudhu’) dan bersih dari hadas besar (perkara yang menyebabkan mandi wajib). Para Ulama menggariskan ia sebagai adab yang utama kerana dalam keadaan suci dari hadas, ayat suci al-Quran akan mudah memberi kesan kepada jiwa pembaca. Sesuai dengan kedudukan al-Quran yang tinggi dan mulia itu, maka terdapat adab-adab yang dituntut oleh syarak bagi para pembawa al-Quran. Dengan mengamalkan etika tilawah al-Quran ini akan memberi kesan terhadap jiwa pembaca dan akan mengukuhkan lagi kelancaran pembacaan al-Quran.

KONSEP ETIKA TILAWAH AL-QURAN MENURUT ULAMA

Beberapa aspek yang menjadi perbincangan utama dalam etika tilawah al-Quran antaranya ialah huraian mengenai kelebihan dan keutamaan memperbanyakkan membaca al-Quran. Terdapat huraian yang panjang mengenai ganjaran pahala serta dijanjikan syafa’at bagi para pendampingnya (Abi ‘Abd Rahman 2000; al-Nawawi 2005; Farjani 1978; Ibn Kathir 1995; ‘Imad Ali Jamu’ah 2004; dan Khalid Shukry et al. 2003). Manakala al-Qur’awi (1994) pula menambah dalam

⁷⁰ Semua terjemahan ayat al-Quran dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan al-Quran*, edisi kelapan, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987

kitabnya dengan mengatakan al-Quran adalah ilmu yang terdahulu dan yang terkemudian serta kekal sepanjang zaman.

Para ulama juga turut membahaskan mengenai ganjaran pahala yang ditetapkan oleh Allah S.W.T bagi orang yang mendengar bacaan al-Quran dan melazimi mengulanginya serta beramal dengannya (al-Qurtubi 2002; al-Nawawi 2005 dan Farjani 1978). Selain itu, disarankan juga supaya memuliakan para ahli al-Quran kerana mereka memelihara kalamullah (al-Qur'awi 1994) dan larangan dari menyakiti mereka (al-Nawawi 2005) serta sentiasa mendahulukan dan memuliakan ahli al-Quran (al-Saghirji 1992) Terdapat juga perbincangan mengenai ciri-ciri dan cara mengenal para ahli al-Quran (al-Qur'awi 1994).

Perkara lain yang menjadi perbincangan utama ialah mengenai etika seorang pembaca al-Quran. Setiap pembaca al-Quran seharusnya memiliki peribadi mulia. Al-Qur'awi (1994) dalam karangannya menyebutkan bahawa Rasulullah S.A.W berakhlak seperti akhlak al-Quran. Maka setiap muslimin merupakan seorang pembaca al-Quran dan perlu berakhlak dengan akhlak yang mulia. Terdapat huraian yang panjang lebar mengenai peringatan kepada ahli al-Quran agar tidak lalai dari selalu mengulangi dan beramal dengannya (al-Qurtubi 2002). Manakala Abi 'Abd Rahman (2000) pula menghuraikan dalam kitabnya dengan panjang lebar tentang nasihat dan pesanan kepada para guru al-Quran dan penuntut ilmu al-Quran. Imam al-Nawawi (2005) mengatakan di antara adab seorang penuntut ilmu al-Quran ialah menjaga adab di dalam majlis gurunya, menjaga keaiban gurunya, tidak mengumpat gurunya serta tidak bersikap mendesak. Manakala Imam al-Qur'awi (1994) menambah dalam karangannya mengenai ciri-ciri yang seharusnya dimiliki oleh seorang ahli al-Quran dan cara untuk mengenalinya.

Selain itu, perkara yang menjadi tumpuan perbincangan ulamak ialah mengenai kepentingan mempelajari al-Quran dan mengajarkannya kepada orang lain kerana merupakan syari'at yang di bawa oleh Rasulullah S.A.W (al-Saghirji 1992). Ibn Kathir (1995) mengatakan menjadi keperluan mengajarkan al-Quran bermula dari awal kanak-kanak lagi. Imam al-Nawawi (2005) dan 'Imad Ali Jamu'ah (2004) dalam kitab mereka juga menyentuh mengenai hukum mengajarkan al-Quran sama ada boleh menolak apabila dipinta untuk mengajarkannya atau pun tidak. Terdapat juga perbincangan para ulamak mengenai hukum mengambil upah, hadiah, penetapan upah dalam pengajaran al-Quran dan hukum membuat al-Quran sebagai sumber sara hidup (al-Nawawi 2005; al-Saghirji 1992; Ibn Kathir 1995; 'Imad Ali Jamu'ah 2004).

Tajwid merupakan elemen terpenting dalam pembacaan al-Quran. Pengamalan tajwid ketika membaca al-Quran merupakan *fardu ain* manakala mempelajari nama-nama hukumnya merupakan *fardu kifayah* bagi muslimin dan muslimat (Khalid Shukry et al. 2003; 'Abd Rahman Ghani 2011). Ilmu tajwid dikatakan muncul pada era kurun ke-4 Hijrah (Khalid Shukry et.al.2003). Hukum-hukum tajwid yang biasa dibincangkan ialah hukum tanwin dan nun sakinah, hukum mim sakinah, pelbagai jenis hukum mad, hukum mim dan nun *musyaddadah*, cara *waqaf* dan *ibtida'*, *maqtu'* dan *mausul*, hukum *tarqiq* dan *tafkhir* serta sifat dan *makhraj* huruf (Ibn Kathir 1995; 'Imad 'Ali Jamu'ah 2004; Khalid Shukry et.al 2003; 'Abd Rahman Ghani 2011).

Selain itu, terdapat beberapa perkara lain yang disentuh oleh para ulamak ialah rukun tilawah al-Quran, kesalahan-kesalahan dalam al-Quran dan martabat tilawah al-Quran (Imad Ali Jamu'ah 2004; Khalid Shukry et.al 2003; 'Abd Rahman Ghani 2011). Al-Quran perlu dibaca dengan tartil dan dibaca dengan kaedah-kaedah qira'at yang sah sahaja iaitu yang bersambung sanadnya sehingga Rasulullah S.A.W (al-Qurtubi 2002; Abi 'Abd Rahman 2000; al-Saghirji 1992; al-Qur'awi 1994; Khalid shukry et.al 2003; 'Abd Rahman Ghani 2011). Perkara ini dipersetujui oleh Imam al-Nawawi (2005) dengan mengatakan, seseorang yang membaca al-Quran dengan qira'at syaz perlulah dilarang sehingga dia berhenti dari melakukannya.

Di antara perkara lain yang dibahaskan para ulama ialah saranan agar sentiasa berusaha membaca al-Quran dengan suara yang terbaik, menyuruh orang yang baik suaranya untuk memperdengarkan bacaan al-Quran, serta keadaan-keadaan yang sesuai membaca al-Quran dengan suara yang kuat atau dengan suara yang perlahan. (al-Nawawi 2005; al-Saghirji 1992; 'Imad 'Ali Jamu'ah 2004). Digalakkan juga sentiasa mengulang-ulang ayat yang dibaca untuk tujuan tadabbur makna al-Quran (Ibn Kathir 1995) dan (al-Nawawi 2005). Selain itu, mereka yang menangis ketika membaca al-Quran kerana terkesan jiwanya adalah perkara yang biasa berlaku pada Rasulullah S.A.W, para sahabat dan tabi;' tabi'in serta orang-orang soleh yang hadir hatinya ketika tadabbur makna al-Quran. Perkara ini dilihat sebagai satu sifat yang mulia dan dikategorikan sebagai sifat golongan para 'arifin (Abi 'Abd Rahman 2000; al-Nawawi 2005; al-Saghirji 1992; Ibn Kathir 1995; Khalid Shukry et.al 2003).

Daripada perbincangan ulamak mengenai etika tilawah al-Quran itu tadi, dapatlah difahami bahawa etika tilawah al-Quran ini adalah sangat penting untuk diamalkan. Terdapat dalil yang sah daripada al-Quran dan hadis mengenai tuntutan pengamalan terhadap etika tilawah al-Quran ini. Selain itu, para ulmak juga sangat menitik beratkan agar mencari guru yang pakar dalam bidangnya agar ilmu al-Quran yang ingin dipelajari itu dapat dikuasai dengan lebih sempurna. Pembaca juga digalakkan agar para pembaca al-Quran melengkapkan diri dengan mempelajari hukum-hukum tajwid yang asas.

ETIKA TILAWAH AL-QURAN

Terdapat empat konsep etika tilawah al-Quran menurut para ulama yang menjadi tumpuan utama. Pertama ialah etika sebelum tilawah al-Quran. Kedua etika ketika sedang tilawah al-Quran. Ketiga etika selepas tilawah al-Quran. Dan yang terakhir ialah etika umum mengenai tilawah al-Quran yang perlu diberi perhatian.

Etika sebelum tilawah al-Quran

Etika sebelum tilawah al-Quran yang perlu dilakukan menurut imam al-Nawawi 2005; Farjani 1978; Khalid Shukry et.al 2013; 'Abd Rahman 2011; 'Imad 'Ali Jamu'ah 2014; al-Saghirji 1992; Ibrahim al-Qirsh 2000 ialah dimulai dengan mengikhhlaskan niat membaca al-Quran semata-mata kerana Allah. Tidak

membaca al-Quran dengan riyak' atau membaca kerana makhluk. Pembaca juga perlu membersihkan mulut dari kotoran dan bau-bauan yang tidak menyenangkan dengan bersiwak atau memberus gigi. Memastikan berada dalam keadaan suci dari hadas kecil (perkara yang membatalkan wudhu') dan dari hadas besar (perkara yang memerlukan kepada mandi wajib). Jika ketiadaan air, dan ingin melakukan ibadah seperti solat dan membaca al-Quran, pembaca perlu bertayamum.

Selain itu, sebelum membaca al-Quran, pembaca dikehendaki menutup aurat dengan sempurna seperti batas aurat yang telah disepakati oleh para ulamak bagi batasan aurat lelaki dan aurat perempuan. Setelah itu, pembaca hendaklah memastikan bersih dari najis pada diri, pakaian serta tempat ibadah. Pilih tempat yang selesa, bersih dan tenang seperti masjid untuk membaca al-Quran. Duduk dengan duduk sunnah serta menghadap ke arah kiblat. Walau bagaimanapun, diharuskan juga membaca al-Quran dalam pelbagai keadaan yang lain selain duduk seperti mengiring, berbaring di tempat tidur, atau membaca dalam keadaan berdiri atau berjalan. Firman Allah S.W.T;

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِأُولِي
الْأَلْبَابِ - 3:190
الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَاطِلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ -
3:191

Maksudnya: “*Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal. (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, maha suci engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka." (al-Quran, al-Imran 3:190-191)*

Setelah itu mulakanlah membaca al-Quran dengan lafaz Isti'azah yang telah disepakati oleh para ulama'. Lafaz Isti'azah yang paling masyhur ialah berdasarkan firman Allah S.W.T;

فَإِذَا قَرَأْتَ الْقُرْآنَ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ - 16:98

Maksudnya: “*Maka apabila engkau membaca al-Quran, maka hendaklah engkau terlebih dahulu) memohon perlindungan kepada Allah dari hasutan syaitan yang direjam." (al-Quran, al-Nahl 16:98)*

Kemudian, membaca basmalah. Lafaz basmalah juga disunatkan membacanya pada setiap permulaan surah kecuali pada awal Surah al-Taubah. Demikianlah secara ringkasnya etika tilawah al-Quran yang perlu diamalkan sebelum memulakan bacaan al-Quran.

Etika ketika tilawah al-Quran

Etika yang perlu diamalkan ketika sedang membaca al-Quran menurut Imam al-Nawawi 2005; Farjani 1978; Khalid Shukry et al. 2013; 'Abd Rahman 2011; 'Imad 'Ali Jamu'ah 2014; al-Saghirji 1992; Ibrahim al-Qirsh 2000 ialah membaca dengan khusyuk dan meneliti maknanya. Firman Allah S.W.T:-

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ - 38:29

Maksudnya:- *“(al-Quran ini) Sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.”* (al-Quran, Sad 38:29)

Adalah menjadi sunnah Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat serta *tabi'* dan *tabi'in* membaca al-Quran dengan mengulang-ulang ayat tertentu untuk tujuan hafazan, berdoa atau tadabbur (menghayati) maknanya. Selain itu, bacalah al-Quran dengan bacaan tartil kerana para ulamak telah bersepakat sunat membaca al-Quran secara tartil sebagaimana firman Allah S.W.T yang bermaksud:-*“Dan hendaklah kamu (Muhammad) membaca al-Quran dengan tartil”*. (al-Quran, al-Muzammil 73:4)

Sepanjang membaca al-Quran, hendaklah menjawab ayat-ayat yang dibaca seperti memohon rahmat ketika membaca ayat syurga dan mohon perlindungan ketika membaca ayat neraka (azab). Apabila membaca ayat tentang syurga (rahmat) adalah disunatkan memohon kepada Allah S.W.T kurniaan dari kelebihan dan apabila membaca ayat tentang neraka (azab) pula disunatkan memohon keampunan dan perlindungan darinya. Disunatkan juga bertasbih pada ayat mensucikan (*tanzih*) sifat Allah S.W.T dan menyambut seruannya pada ayat-ayat tertentu.

Sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W diriwayatkan daripada Huzaifah bin Al-Yaman R.A berkata:

Maksudnya:- *“Aku telah solat bersama Nabi S.A.W pada suatu malam lalu baginda memulakan bacaan dengan surah al-Baqarah. Maka aku berkata: Dia akan ruku' pada ayat yang keseratus, kemudian dia teruskan, maka aku berkata: Dia akan solat dengan al-Baqarah ini dalam satu rakaat, tetapi dia teruskan lagi, maka aku berkata : Dia akan ruku' dengannya, kemudian dia memulakan surah al-Nisa' lalu dia membacanya, dan seterusnya dia memulakan*

surah Ali Imran lalu membacanya, dia membaca secara perlahan-lahan, tidak gopoh, apabila dia melalui ayat yang mengandungi tasbih dia mengucapkan tasbih, apabila dia melalui ayat permintaan dia memohon dan apabila dia melalui ayat berlindung dia mohon berlindung.” (Muslim, Sahih Muslim, Kitab al-solat al-Musafirin wa Qasruha, Bab Istihbab al-tatwil al-Qur’an Fi solat al-Lail)

Menjiwai ataupun tadabbur ayat yang dibaca, jika membaca ayat mengenai azab neraka, atau azab yang telah ditimpakan kepada umat yang terdahulu, pembaca hendaklah merasa sedih dan menangis ketika membaca al-Quran. Firman Allah S.W.T.

Maksudnya:- “Dan mereka menjatuhkan dagu-dagu mereka (sujud) di dalam keadaan menangis dan ia menambah lagi khusyuk kepada mereka” (al-Quran, al-Isra' 17:109)

Membaca dengan mengikut tertib mushaf. Disunatkan membaca al-Quran dengan mengikut tertib mushaf iaitu dimulai dengan al-Fatihah kemudian al-Baqarah, kemudian Ali ‘Imran, kemudian surah-surah selepasnya mengikut tertib susunan sama ada membaca di dalam atau di luar solat. Selain itu, membaca al-Quran secara berjama’ah iaitu membaca al-Quran secara beramai-ramai dengan membaca secara serentak merupakan perkara sunat yang menjadi amalan para sahabat. Membaca al-Quran secara bergilir-gilir juga merupakan amalan Rasulullah S.A.W yang membaca al-Quran secara bergilir-gilir bersama malaikat Jibril A.S. Membaca al-Quran secara hafalan juga adalah tidak asing dan merupakan amalan sunnah seperti Rasulullah membaca al-Quran secara hafalan dengan malaikat Jibril A.S pada setiap Ramadan.

Membaca dengan al-Quran dengan suara yang kuat atau perlahan mengikut keadaan. Membaca dengan suara yang perlahan jika ditakuti akan menjadi riya’, dan membaca dengan suara yang kuat jika riya’ tidak menjadi masalah bagi diri pembaca. Kebaikan membaca al-Quran dengan suara yang kuat kepada orang yang mendengar bacaan tersebut dan lebih terkesan kepada hati pembaca kerana boleh memberi tumpuan untuk meneliti maknanya, menghilangkan rasa mengantuk, mencergaskan fikiran dan menyedarkan orang yang lalai disekelilingnya.

Sunat memperelokkan suara ketika membaca al-Quran. Ulama’ telah bersepakat tentang sunat mengelokkan suara ketika membaca al-Quran. Diriwayatkan daripada Barra’ R.A:

Maksudnya: “Aku mendengar Rasulullah S.A.W membaca di dalam solat ‘Isya’ (وَاللَّيْلِ وَاللَّيْلِ وَاللَّيْلِ). Aku tidak pernah mendengar suara yang paling merdu lebih dari suaranya.” (al-Bukhari, Kitab Sahih Bukhari, Bab : al-Qira’ah fi al-Isya)

Sunat meminta orang yang bagus suaranya untuk diperdengarkan bacaan al-Quran darinya (Imam al-Nawawi 2005). Telah diriwayatkan daripada 'Abdullah bin Mas'ud R.A bahawa Rasulullah S.A.W telah bersabda:

Maksudnya *“Bacalah ke atasku akan al-Quran”*,Maka aku berkata kepadanya; *“Wahai Rasulullah, aku baca ke atas kamu sedangkan ia diturunkan ke atas kamu? Baginda menjawab: “Sesungguhnya aku suka mendengar (bacaan) dari orang lain selainku”*. Lalu aku membaca ke atasnya surah al-Nisa' sehingga sampai kepada ayat 41 ini (yang bermaksud); Maka bagaimanakah apabila Kami mendatangkan seseorang saksi daripada setiap umat dan Kami mendatangkan kamu sebagai saksi ke atas mereka ini. Maka baginda bersabda: *“Cukuplah (bacaan)mu itu sekarang”* Lalu aku berpaling kepadanya maka tiba-tiba (kulihat mengalir air) dari dua matanya.”(al-Bukhari, Sahih Bukhari, Bab : Kayfa iza ji'na min kulli ummah bi syahid wa ji'na)

Membaca al-Quran dengan memelihara hukum-hukum tajwid seperti menjauhkan kesalahan dalam membaca al-Quran, memelihara makhraj dan sifat-sifat huruf, menjaga bacaan *mad* dan *qasr*, *tarqiq* dan *tafkhim*. Menjaga *waqaf* dan *ibtida'* dengan memulakan bacaan pada kalam yang mempunyai hubungan dan berhenti pada ayat yang sempurna lafaz dan maknanya. Begitulah huraian secara ringkas yang dapat pengkaji kupaskan mengenai etika tilawah al-Quran yang perlu diamalkan ketika sedang membaca al-Quran.

Etika selepas tilawah al-Quran

Etika selepas tilawah al-Quran yang ditambah oleh Ismail Tekan (1999) ialah setelah selesai membaca al-Quran, para ulama' mensyariatkan membaca doa khatam al-Quran. Al-Quran perlu di letakkan di tempat yang mulia dan terpelihara seperti ditempat yang tinggi dan bersih dan tidak melintangkan kaki ke arah al-Quran kerana ia merupakan penghinaan.

Etika umum mengenai tilawah al-Quran yang perlu diberi perhatian

Terdapat beberapa perbincangan mengenai etika umum dengan al-Quran yang telah di gariskan oleh Imam Farjani 1978; Imam al-Nawawi 2005; ad-Dahami 2012 ialah sentiasa menghormati al-Quran. Ketika membaca al-Quran ia seumpama sedang bermunajat kepada Allah S.W.T. Maka perlu menghormati al-Quran dengan menjauhi ketawa, membuat bising, berbual-bual ataupun makan di celah-celah bacaan kecuali pada percakapan yang terpaksa. Tidak bermain-main dengan tangan, melihat sesuatu yang meleakakan dan melalaikan. Selain itu, dilarang membaca al-Quran ditempat yang tidak suci untuk menghormati Kalamullah yang sedang dibacakan.

Memelihara diri dengan ciri-ciri ahli al-Quran dengan melazimi berzikir, bermunajat, sedikit bergurau senda dan sentiasa melakukan ibadat dan sentiasa

menta'ati suruhan Allah S.W.T dan menjauhi larangannya. Berterusan mempelajari ilmu-ilmu yang terkandung dalam al-Quran dan menyampaikan kepada orang lain. Berhenti membaca al-Quran ketika sedang membuang angin (kentut) dan ketika sedang menguap. Selain itu, diharuskan memutuskan (memberhentikan) bacaan kerana beberapa sebab tertentu seperti apabila diziarahi oleh tetamu yang lebih mulia dari segi darjatnya, lebih tua umurnya, atau kekuasaannya. Memutuskan bacaan dan bangun menunjukkan rasa hormat adalah amalan sunnah dan bukan kerana riya' atau mengagungkannya.

Jika membaca al-Quran ketika berjalan dan melintasi suatu kaum, disunatkan memberhentikan bacaan dan memberi salam kepada mereka, kemudian menyambung bacaannya kembali dengan awal kalam. Pembaca juga harus memberhentikan bacaan al-Quran ketika mendengar azan dan menjawab azan tersebut. Sentiasa memperbanyakkan membaca al-Quran dan mengkhatakkan bacaan al-Quran paling kurang setahun sekali. Para sahabat berlumba-lumba mengkhatakkan al-Quran. Ada yang mengkhatakkan al-Quran dalam tempoh yang singkat seperti 3 hari, 7 hari, 20 hari dan juga sebulan. Melazimi membaca al-Quran pada waktu malam. Firman Allah S.W.T

لَيْسُوا سَوَاءً ۚ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ أُمَّةٌ قَائِمَةٌ يَتْلُونَ آيَاتِ اللَّهِ آنَاءَ اللَّيْلِ وَهُمْ
يَسْجُدُونَ - 3:113

Bermaksud: “Ahli-ahli Kitab itu tidaklah sama. di antaranya ada golongan yang(telah memeluk Islam dan) tetap (berpegang kepada agama Allah yang benar) mereka membaca ayat-ayat Allah (al-Quran) pada waktu malam, semasa mereka sujud (mengerjakan sembahyang). (al-Quran, ‘Ali ‘Imran 3:113)

Disunatkan membaca al-Quran dengan suara yang kuat di dalam solat yang kuat bacaannya dan disunatkan menyaringkan bacaan “*Aamiin*” selepas membaca Surah al-Fatihah. Pembaca al-Quran juga disunatkan melakukan sujud sejadah dan bertasbih apabila membaca al-Quran pada ayat-ayat sajadah. Sentiasa gigih berusaha dan istiqamah dalam mempelajari al-Quran dengan guru yang pakar dalam bidang al-Quran serta memperbanyakkan masa membaca al-Quran.

KESAN PENGAMALAN ETIKA TILAWAH AL-QURAN TERHADAP BACAAN AL-QURAN

Diantara etika tilawah al-Quran yang memberi kesan terhadap pembacaan al-Quran ialah ikhlas niat semata-mata kerana Allah S.W.T. Niat menentukan tujuan dan matlamat yang hendak dicapai. Niat ikhlas semata-mata kerana Allah S.W.T bermaksud hanya melakukan sesuatu perkara tersebut bukan kerana manusia. Al-Nawawi (2005) mengatakan tanda-tanda ikhlas itu ialah pujian dan kejian manusia itu tidak memberi kesan di hati. Allah S.W.T akan memberikan

ganjangan mengikut niat seseorang terhadap amalannya. Seperti hadis yang telah diriwayatkan daripada 'Umar bin Khattab, Rasulullah S.A.W telah bersabda.

Maksudnya:- "*Sesungguhnya segala amalan itu adalah dengan niat, dan setiap orang mendapat (pahala) berdasarkan apa yang dia niatkan. Sesiapa yang berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya itu adalah bagi Allah dan Rasul-Nya. Sesiapa yang berhijrah kerana dunia yang dia ingin memperolehnya atau kerana seorang perempuan yang dia ingin menikahnya, maka hijrahnya itu adalah kepada apa yang dia niatkan.*" (al-Bukhari Sahih Bukhari, Bab : al-Niat fi al-Iman)

Oleh yang demikian, menjaga niat supaya sentiasa ikhlas kerana Allah S.W.T merupakan etika tilawah al-Quran yang paling utama. Apabila seseorang telah bulat niatnya untuk mempelajari dan memperbaiki bacaan al-Quran samamata-mata mengharapkan keredhaan daripada Allah S.W.T, akan menjadi mudah baginya untuk mempelajari membaca al-Quran. Tiada lagi perasaan malu kepada manusia yang lain ketika mempelajari al-Quran kerana niatnya ikhlas kerana Allah S.W.T. Setelah berjaya membaca al-Quran dengan baik dan mendapat pujian dari gurunya atau dari rakan-rakannya, hatinya akan terhindar dari sifat *Riya'* kerana dengan niat yang ikhlas itu dapat menyedarkannya bahawa kelebihan itu adalah merupakan anugerah dari Allah S.W.T kepadanya bukan hasil dari usahanya semata-mata (al-Nawawi, 2005).

Selain itu, Para ulama telah bersepakat kepentingan membaca al-Quran dengan bacaan *Tartil* dan bertajwid merupakan diantara perkara yang memberi kesan terhadap bacaan al-Quran (al-Nawawi 2005; Farjani 1978; Khalid Shukry et.al 2013; Abd Rahman 2011; 'Imad 'Ali Jamu'ah 2014; al-Saghirji 1992; Ibrahim al-Qirsh 2000). *Tartil* ialah bacaan yang lambat tetapi tidak terlalu lambat seperti bacaan *Tahqiq*. Iaitu menyebut setiap huruf dengan makhrajnya yang betul tanpa mengurangkan harakat setiap huruf serta memberikan *haq* dan *mustahaq* pada setiap huruf tersebut (Sifat asli pada huruf dan sifat yang mendatang) dan memelihara tajwidnya (Khalid Shukry et.al 2013; 'Abd Rahman 2011). Rasulullah S.A.W juga membaca dengan bacaan *Tartil*, seperti hadis yang telah diriwayatkan dari Ummu Salamah:

Maksudnya:- "*Sesungguhnya dia (Ummu Salamah) menyifatkan bacaan Rasulullah S.A.W sebagai bacaan yang terang satu huruf satu huruf.*" (Hadis Hasan Sahih, Abu Daud , al-Nasai dan al-Tarmidhi, Kitab al-Tibyan Fi adab Hamalah al-Qur'an, Fasal Fi Ai Yurattal Qira'atini)

Membaca al-Quran dengan mengulang-ulang kalimah atau satu potongan ayat daripada al-Quran merupakan salah satu daripada etika tilawah al-Quran yang memberi impak pada bacaan al-Quran dan pada jiwa pembaca. Rasulullah S.A.W dan para sahabatnya sering mengulang-ulang potongan dari ayat al-Quran

sebagai tujuan untuk tadabbur makna al-Quran. Pengamalan ini begitu masyhur seperti yang telah diriwayatkan daripada Abu Darda' R.A.;

Maksudnya:- *“Sesungguhnya telah berdiri (solat) Nabi S.A.W dengan mengulangi satu ayat sehingga ; sampai waktu pagi. (ayat) yang tersebut ialah (yang bermaksud); Jika Engkau mengazab mereka (Ya Allah) maka sesungguhnya mereka adalah hamba-hambaMu hingga akhir ayat 118, surah al-Maidah”* (Hadis Hasan, al-Nasai, Ibn Majah, Kitab al-Tibyan Fi Adab Hamalah al-Qur'an, Fasal Fi Istihbab al-Tardid al-Ayah Litadabbur)

Selain mengulang-ulang ayat al-Quran untuk tujuan tadabbur maknanya, perkara ini juga sangat penting diamalkan sebagai teknik memperbaiki sebutan kalimah-kalimah al-Quran. Bagi para *Huffaz* pula, etika mengulang-ulang kalimah dan ayat al-Quran merupakan kaedah menghafaz al-Quran yang sangat berkesan (Khalid Shukry et.al 2013). Oleh yang demikian, pengamalan etika tilawah al-Quran ini sangat memberi kesan pada pembacaan al-Quran.

Perkara lain yang sangat memberi kesan pada bacaan al-Quran ialah mempelajari dan memperdengarkan bacaan al-Quran pada guru yang mahir dan diiktiraf ilmunya supaya lebih terjamin dan terpelihara dari kesalahan. 'Abd Rahman (2011) mengatakan terdapat dua kaedah untuk mempelajari al-Quran daripada guru. Kaedah pertama ialah pelajar mendengar bacaan dari gurunya dengan teliti dan mengikutinya. Kaedah yang kedua ialah, pelajar membaca dan gurunya mendengar serta memperbetulkan kesalahan bacaan pelajar tersebut. Kedua dua kaedah ini sangat berkesan jika digabungkan bersama dalam teknik pengajaran al-Quran. Belajar dengan guru yang arif dalam ilmunya merupakan salah satu etika yang penting dalam pembelajaran al-Quran serta memberi kesan pada penguasaan bacaan al-Quran seseorang. Perkara ini juga merupakan sunnah dan kaedah pembelajaran al-Quran yang betul. Sebagaimana yang diamalkan oleh baginda Rasulullah S.A.W yang mendengar wahyu daripada malaikat Jibril A.S. dan Jibril A.S juga telah memeriksa bacaan Rasulullah S.A.W setiap tahun pada bulan Ramadan

Tidak berputus asa untuk memperbaiki bacaan al-Quran. Untuk menjadi seorang yang dapat menguasai bacaan al-Quran dengan cemerlang ialah sentiasa gigih berusaha dan istiqamah setiap hari. Dengan melazimi melakukan sesuatu pekerjaan dengan kerap akan memahirkan seseorang dalam pekerjaan tersebut. Begitulah kesan etika tilawah al-Quran ini dengan pada pembacaan al-Quran seseorang. Pembaca yang istiqamah secara berterusan membaca al-Quran walaupun merasa payah dan tetap juga gigih berusaha menyebutnya dijanjikan ganjaran yang besar daripada Allah S.W.T seperti yang telah disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan daripada Sayyidatina Aisyah R.A, bahawa Rasulullah S.A.W telah bersabda;

Maksudnya; *“Seseorang yang mahir membaca al-Quran, akan bersama dengannya para mailaikat yang suci lagi mulia. Dan orang yang membaca al-Quran dalam keadaan merangkak-rangkak (dan*

merasa payah) baginya dua ganjaran (pahala)." (Sahih Muslim, *Kitab Syarah al-Nawawi 'Ala Muslim. Bab Fadhilah Hafidh al-Qur'an*)

Memilih waktu dan masa yang sesuai untuk membaca al-Quran. Pilihlah masa dan waktu yang dapat memberikan lebih tumpuan dan fokus pada Ibadah seperti berzikir, solat dan membaca al-Quran. Waktu satu pertiga malam diantara waktu yang afdhal untuk bertafakur dan bertadabbur al-Quran. Firman Allah S.W.T:

يَا أَيُّهَا الْمُرْمِلُ - 73:1
قُمِ اللَّيْلَ إِلَّا قَلِيلًا - 73:2
نُصَفَهُ أَوْ انْقُصْ مِنْهُ قَلِيلًا - 73:3
أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا - 73:4
إِنَّا سَنُلْقِي عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلًا - 73:5
إِنَّ نَاشِئَةَ اللَّيْلِ هِيَ أَشَدُّ وَطْئًا وَأَقْوَمُ قِيلًا - 73:6

Maksudnya: *"Wahai orang yang berselimut!(1). Bangunlah sembahyang tahajjud pada waktu malam, selain dari sedikit masa (yang tak dapat tidak untuk berehat)(2). Iaitu separuh dari waktu malam, atau kurangkan sedikit dari separuh itu(3). Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah al-Quran dengan "Tartil".(4) (Sayugialah engkau dan pengikut-pengikutmu membiasakan diri masing-masing dengan ibadat yang berat kepada hawa nafsu, kerana) Sesungguhnya Kami akan menurunkan kepadamu wahyu (al-Quran yang mengandungi perintah-perintah) yang berat (kepada orang-orang yang tidak bersedia menyempurnakannya)(5). Sebenarnya sembahyang dan Ibadat malam lebih kuat kesannya (kepada jiwa), dan lebih tetap betul bacaannya(6). (al-Quran, Al-Muzammil 73: 1-6)*

Etika yang terakhir yang akan mempengaruhi bacaan al-Quran ialah pembaca perlu memperuntukkan masa yang banyak untuk berlatih memperbaiki bacaan al-Quran. Para sahabat dan tabi' serta tabi'in telah banyak menghabiskan masa dalam membaca al-Quran. Diantara sahabat yang telah megkhatamkan al-Quran setiap tujuh hari sekali ialah Saidina 'Uthman bin 'Affan(al-Nawawi 2005). Etika ini adalah perkara yang sangat penting kerana dengan sering melakukan sesuatu perkara dengan kerap akan dapat memperkukuhkan lagi ilmu tersebut. Walaubagaimanapun kadar tempoh waktu dan banyaknya bacaan itu adalah berlainan mengikut kemampuan masing-masing. Bacalah dengan jumlah dan waktu sekadar keupayaan supaya tidak sampai ke tahap jemu dan bosan atau terlalu laju sehingga menyembuyikan setengah huruf.

KESIMPULAN

Etika bacaan al-Quran ini perlu difahami dan diamalkan untuk memperolehi rahmat dan keberkatan ketika membaca al-Quran. Kitab Al-Quran mempunyai kelebihan dan kemukjizatan yang hebat dan tinggi. Diharapkan kajian etika tilawah al-Quran ini dapat menyumbang kepada usaha untuk memperbaiki dan menguasai bacaan al-Quran dengan lebih sempurna. Segala faktor yang dapat memberikan kesan kepada tahap penguasaan al-Quran perlu diberi perhatian dan dipraktikkan. Semoga kajian ini akan memberikan kebaikan dan panduan kepada para pendidik amnya, seperti guru dan pensyarah, ibu bapa dan juga kepada mahasiswa khususnya kerana anak muda adalah peneraju dan tunggak masa depan negara.

BIBLIOGRAFI

- Abi al-Fida' Imad ad-Din Isma'il bin 'Umar Ibn Kathir. 1416H/1995. *Fada'il al-Qur'an*. Abu Ishaq al-Hawiny al-Athry. Tab'ah al-Ula. Maktabah Ibn Taimiyyah: al-Qaherah
- Abi 'Abd al-Rahman Jamal Ibn Ibrahim al-Qirsh. Muhammad bin 'Abd al-Hamid Abu Rawwash. 1421H/2000. *Zad al-Muqri'in Athna'i Tilawah al-Kitab al-Mubin*. 'Abd al-'Aziz bin 'Abd al-Hafiz, 'Ali Alwi al-Bariq. Tab'ah al-Ula. Al-Juz al-Ula. Dar al-Dhiya': Tanta
- Abi 'Abdullah Muhammad Ibn Ahmad al-Ansari al-Qurtubi. 1423/2002. *Al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*. Muhammad Ibrahim al-Hanafi, Mahmud Hamid 'Uthmani. Al-Juz al-Ula. Dar al-Hadith: al-Qaherah.
- Abi 'Ubayd al-Qasim bin Salam. *Fada'il al-Qur'an wa Mu'alimuhu wa Adabihi*. Dirasah wa al-Tahqiq Ustaz Ahmad bin 'Abd al-Wahid al-Khayyati. Al-Juz al-Ula. al-Mamlukah Maghribyah.
- Ahmad Khalid Shukry et al. 1434H/2013. *Al-Munir fi Ahkam al-Tajwid*. Ed. Ke-2. Jam'iah al-Muhafazah 'ala al-Qur'an al-Karim. Al-Matabi' a l-Markaziah.
- al-Asqalani, Ahmad bin Ali. 1996. *Fath Bari bi syarah Sahih al-Bukhari*. Kaheerah: Dar Abi Hayyan
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1938. *Sahih Abi 'Abdullah al-Bukhari*. Cairo: Matba'ah al-Misriyah.
- Al-Quran al-Karim.
- al-Shaykh As'ad Muhammad Sa'id al-Saghirji. 1413H/1992. *Ta'zim al-Qur'an al-Karim*. Tab'ah al-Ula. Mu'assasah 'Ulum al-Qur'an. Dar al-Qablah Li Thaqaafah al-Islamiyyah: Beirut.
- Sulayman bin Saleh al-Qura'awi. 1414H/1994. *Qa'idah fi Fada'il al-Qur'an Li Shaykh al-Islam Ibn Taimiyyah al-Mutuwaffi sanah 728H*.
- Syiekh 'Abd Rahman bin 'Abdul 'Aziz ad-Dahami. 1433H/2012. *Adab al-Ta'amuli ma'al mashaf*. Cetakan pertama. Terbitan Darul 'Asimah wa tauzi' bi Riyadh.
- Tafsir Pimpinan al-Qur'an*, 1987. Edisi kelapan, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri

Ustaz Ismail Mahmood. 1989. *Adab-adab Berkaitan dengan al-Quran untuk Qari, Muqri', Guru, Pelajar, dan Orang Ramai*. Diedit dan di terjemah dari kitab al-Tibyan Fi Adab Hamalah al-Quran. Cetakan pertama. Selangor Darul Ehsan: Al-Rahmaniah.